

06 MAR 1998

AGONG HANTAR PERUTUSAN UCAP SELAMAT KEPADA PRESIDEN GHANA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar menghantar perutusan ucap selamat kepada Presiden Ghana, Lt. (B) Jerry John Rawlings bersempena Hari Kebangsaan negara itu, hari ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini, Tuanku Ja'afar mengucapkan kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat republik itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan beliau kepada Presiden Rawlings menyatakan Malaysia kagum dengan pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh Ghana, sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kami mengharapkan untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan persahabatan antara kedua-dua negara bagi manfaat bersama," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatnya di Ghana, Jacob Victor Ghebo. --

BERNAMA

MT RI